

# Bimbang lihat asid masih bebas dijual

**BARU-BARU** ini negara dikejutkan lagi dengan kejadian serangan asid yang berlaku di Bachok, Kelantan.

Kes tersebut sudah tentu mengejutkan masyarakat dan menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan awam.

Bagaimanapun, bahan kimia berbahaya seperti asid sulfurik, asid nitrik dan asid hidroklorik masih dijual secara terbuka di platform e-dagang.

Kebanyakan asid berbahaya tersebut boleh didapati pada kadar harga yang rendah iaitu antara RM15 ke RM50 mengikut saiz botol.

Pensyarah kanan di Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, Dr. Rozaini Abdullah berkata, bahan kimia berbahaya seperti asid tidak sepatutnya dijual melalui platform dalam talian sewenang-wenangnya kerana berdepan risiko digunakan oleh pihak yang tidak terlatih.

Katanya, penjualan bahan tersebut tanpa panduan keselamatan juga boleh menyebabkan kecederaan serius serta berpotensi disalahgunakan dalam kegiatan jenayah.

"Jenayah simbah asid yang berlaku baru-baru ini bukan kali pertama berlaku di



## Analisis Semasa

Bersama  
**NUR HUDA MUSA**

Malaysia dan tindakan segera perlu dilaksanakan.

"Penjualan dan pembelian bahan kimia perlu direkodkan secara rasmi, termasuk identiti pembeli dan tujuan pembelian," katanya kepada Kosmo! baru-baru ini.

Selain itu, Dr. Rozaini berkata, banyak negara luar telah mempunyai undang-undang berkenaan pembelian dalam talian yang memerlukan pengesahan umur, Safety Data Sheet (SDS) yang lengkap, serta sekatan penjualan bahan kimia yang menghakis (corrosive) secara dalam talian.

"Peraturan penjualan bahan kimia berbahaya telah wujud di Malaysia tetapi penguatkuasaannya masih terhad di laman e-dagang menyebabkan wujud jurang dalam penguatkuasaan."

"Peraturan sedia ada lebih tertumpu kepada penggunaan di industri dan keselamatan tempat kerja, bukan untuk jualan secara individu,"

“

Jenayah simbah asid yang berlaku baru-baru ini bukan kali pertama di Malaysia dan tindakan segera perlu dilaksanakan. Penjualan dan pembelian bahan kimia perlu direkodkan secara rasmi, termasuk identiti pembeli dan tujuan pembelian”

katanya.

Beliau berkata, antara langkah keselamatan yang boleh diambil oleh platform e-dagang dalam menangani penjualan bahan kimia berbahaya ini ialah lakukan saringan terhadap penjual dan juga pembeli.

"Tetapkan hanya yang berdaftar sahaja yang dibenarkan menjual bahan kimia."

"Maklumat berkenaan produk perlu jelas, penjual perlu sediakan SDS yang lengkap dan dapatkan pengesahan identiti pembeli untuk mengelakkan penyalahgunaan bahan kimia," katanya.